



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj kami : PWN.Sel.(PPA)052 Jld.4 (22)
Tarikh : 02 Zulhijjah 1441H
23 Julai 2020

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR BIL 2 TAHUN 2020 - PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM (PINDAAN HAD NILAI BAGI PIHAK BERKUASA MELULUS PELANTIKAN PERUNDING DAN KUASA MELULUSKAN PELANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN PERKHIDMATAN PERUNDING)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 2 Tahun 2020 : Perolehan Perunding Secara Am (Pindaan Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus Pelantikan Perunding Dan Kuasa Meluluskan Pelanjutan Tempoh Perjanjian Perkhidmatan Perunding)** untuk makluman dan tindakan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : CMS 00760



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 2 TAHUN 2020**

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah.
Selangor Darul Ehsan

**PEROLEHAN PERUNDING SECARA AM
(PINDAAN HAD NILAI BAGI PIHAK BERKUASA MELULUS PELANTIKAN
PERUNDING DAN KUASA MELULUSKAN PELANJUTAN TEMPOH
PERJANJIAN PERKHIDMATAN PERUNDING)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai beberapa pengubahsuaian atau pindaan mengikut kesesuaian pelaksanaan di peringkat Negeri Selangor berhubung had nilai Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Pelantikan Perunding dan PBM untuk meluluskan pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding agar dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Peraturan semasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK3.1 – Perolehan Perunding Secara Am, telah menetapkan had nilai di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melulus (PBM) dan kaedah perolehan perunding mengikut had nilai perolehan seperti jadual berikut:-

PBM	HAD NILAI KUASA
Lembaga Perolehan Agensi	Kos Projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta Kos kajian sehingga RM5 juta Kos kerja ukur sehingga RM5 juta
Kementerian Kewangan	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta Kos kajian melebihi RM5 juta Kos kerja ukur melebihi RM5juta

Jadual 1 : Had Nilai Kuasa Pihak Berkuasa Melulus
(Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK3.1 – Perolehan Perunding Secara Am, perenggan 6.3)

KAEDAH PEROLEHAN	HAD NILAI PEROLEHAN
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Kos Projek pembangunan fizikal sehingga RM 50 juta Kos kajian sehingga RM500 ribu Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu
Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan	Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM 50 juta Kos kajian melebihi RM5 juta Kos kerja ukur melebihi RM5juta

Jadual 2 : Had Nilai Kuasa Pihak Berkuasa Melulus
(Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK3.1 – Perolehan Perunding Secara Am, perenggan 8.4)

- 2.2. Dalam konteks Negeri Selangor berdasarkan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK3.1 – Perolehan Perunding Secara Am, semua perolehan perkhidmatan perunding perlu merujuk ke Lembaga Perolehan Negeri kerana berdasarkan had nilai kuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 dalam pekeling ini. Oleh yang demikian, pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding juga perlu diluluskan di peringkat Lembaga Perolehan Negeri selaku PBM asal.
- 2.3. Perbendaharaan Negeri telah mengkaji peraturan ini dan Lembaga Perolehan Negeri juga bersetuju supaya had kuasa dan had nilai perolehan serta PBM pelanjutan tempoh perjanjian perkhidmatan perunding dipinda mengikut kesesuaian pelaksanaan di peringkat Negeri Selangor.

3. PENURUNAN KUASA

- 3.1. Selaras dengan konsep *Let Manager's Manage* dan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan, perkara yang dinyatakan dalam perenggan di atas telah dikaji semula dan **dipinda** seperti di **Lampiran A**.

4. PEMAKAIAN

- 4.1. Peraturan ini hendaklah dipatuhi oleh semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah / Tanah, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor.
- 4.2. Peraturan dan tatacara lain yang berkaitan berhubung perolehan perkhidmatan perunding selain daripada perkara yang dinyatakan dalam pekeliling ini hendaklah mematuhi peraturan dan tatacara yang sedang berkuat kuasa. Sebarang pelanggaran peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan oleh pegawai awam, tindakan boleh dikenakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- 4.3. Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 1 Tahun 2013 – Pemakaian Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 2011 – Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding bagi Projek atau Kajian Kerajaan berkenaan PBM bagi pertambahan kos dan perubahan skop khidmat perunding **masih dikekalkan**.

5. PENGECUALIAN

Pengecualian daripada mana-mana peraturan perolehan hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan AP168.

6. TARIKH KUAT KUASA

Peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S.,
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

s.k. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

LAMPIRAN A

**PENURUNAN HAD KUASA MELULUS PELANTIKAN, KAEDAH PEROLEHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN
PERKHIDMATAN PERUNDING DI PERINGKAT JABATAN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR**

PROJEK	HAD NILAI KUASA DAN NILAI PEROLEHAN	PIHAK BERKUASA MELULUS		KAEDAH PEROLEHAN	PELANJUTAN TEMPOH PERJANJIAN
		JABATAN NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
Projek Fizikal	Kos Projek pembangunan fizikal sehingga RM5 juta	Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat Jabatan Negeri	Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat PBT	Lantikan Terus Beserta Kos Siling	PBM Asal (Jawatankuasa Sebut harga atau Lembaga Perolehan Agensi) ; atau Sebarang pelanjutan tempoh kontrak setelah perjanjian perunding tamat, Pegawai Pengawal diberi penurunan kuasa tanpa had nilai untuk mempertimbangkan permohonan tersebut dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang keputusan yang dibuat (rujukan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK3.10)
	Kos Projek pembangunan fizikal melebihi RM5 juta sehingga RM20 juta	Lembaga Perolehan Negeri	Lembaga Perolehan di peringkat PBT	Tender Terbuka	
	Kos Projek pembangunan fizikal melebihi RM20 juta		Lembaga Perolehan Negeri	Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan	
Kajian	Kos kajian sehingga RM1 juta	Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat Jabatan Negeri	Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat PBT	Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Nota: Sekiranya projek fizikal diluluskan pelanjutan masa maka tempoh perkhidmatan perunding bagi projek berkenaan dilanjutkan selari dengan tempoh kontrak projek fizikal tersebut
	Kos kajian melebihi RM1 juta sehingga RM2 juta Kos kajian melebihi RM2 juta ke atas	Lembaga Perolehan Negeri	Lembaga Perolehan Negeri	Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan	
Kerja Ukur	Kos kerja ukur sehingga RM1 juta	Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat Jabatan Negeri	Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat PBT	Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Nota: Sekiranya projek fizikal diluluskan pelanjutan masa maka tempoh perkhidmatan perunding bagi projek berkenaan dilanjutkan selari dengan tempoh kontrak projek fizikal tersebut
	Kos kerja ukur melebihi RM1 juta	Lembaga Perolehan Negeri	Lembaga Perolehan Negeri	Tender Terbuka atau Tender Terbuka Pra Kelayakan	